

11/06/2001

Keputusan tuntutan MTUC diketahui Julai

KUALA LUMPUR, Ahad - Keputusan tiga tuntutan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), termasuk bayaran kematian dan hilang upaya akan diketahui selewat-lewatnya Julai ini apabila perbincangan mengenainya diadakan dengan ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Presidennya, Senator Zainal Rampak, ketika dihubungi hari ini berkata, pihaknya berharap KWSP bersetuju dengan tuntutan yang dikemuka berdasarkan surat jaminan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Selain permintaan supaya bayaran kematian dan hilang upaya dikembalikan semula antara RM1,000 hingga RM30,000, MTUC juga memohon KWSP untuk tidak menswastakan pengendalian Skim Anuiti dan isu pengurangan caruman sebanyak dua peratus," katanya di sini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut kerajaan sudah bersetuju memperkenalkan formula baru bayaran kematian dan hilang upaya pencarum KWSP tidak lama lagi serta menarik balik keputusannya berhubung pembayaran tetap RM2,000 berbanding antara RM1,000 hingga RM30,000 sebelum ini.

Keputusan itu dibuat hasil pertemuan yang diadakan antara MTUC dengan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, Jumaat lalu.

Zainal berkata, dalam pertemuan MTUC dengan Chan Jumaat lalu, pihaknya sudah menerangkan rasional di sebalik pengembalian semula bayaran kematian dan hilang upaya antara RM1,000 hingga RM30,000 kepada pencarum.

"Namun, ketiga-tiga perkara yang dituntut MTUC akan dibentangkan dalam pertemuan dengan ahli Lembaga Pengarah KWSP Julai ini kerana ia masih belum selesai.

"Kami berharap mereka bersetuju berdasarkan jaminan yang diberikan Perdana Menteri," katanya.

(END)